

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B.TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 03.11.2016

SOALAN :

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan berapakah peruntukan kewangan yang telah diberikan kepada 20 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), yang diambil alih daripada Yayasan Islam Kelantan (YIK) semenjak 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan berusaha meningkatkan prestasi kualiti pendidikan khususnya kepada sekolah yang telah berdaftar sebagai SABK termasuk di Kelantan. Sejak tahun 2008 sehingga September 2016 sebanyak 22 Sekolah Agama Negeri / Sekolah Agama Rakyat Negeri Kelantan telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebanyak 169 projek menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan di SABK Kelantan sejak tahun 2008 hingga sekarang. Di antara projek yang telah dilaksanakan seperti yang berikut:

1. 17 binaan bangunan di bawah Projek Rangsangan Khas (PRK) tahun 2012;
2. 22 ubah suai naik taraf di bawah PRK tahun 2012;
3. 20 ubah suai naik taraf di bawah PRK tahun 2013;
4. 22 pembelian perabot di bawah PRK tahun 2013; dan
5. 22 projek untuk peruntukan penyelenggaraan tahun 2015.

KPM juga telah memberi bantuan seperti Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Kebersihan Kawasan dan Bangunan, dan Bekalan Makanan Asrama serta Perbekalan perabot bilik darjah, pejabat guru dan asrama murid SABK.

RJM31